

940/1

STPM 2010

SEJARAH

KERTAS 1

(ESEI)

(Tiga jam)

PEPERIKSAAN PERCUBAAN BERSAMA STPM 2010

Anjuran

JABATAN PELAJARAN NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS

Arahan kepada calon:

*Jawab **empat** soalan sahaja. **dua** soalan daripada Bahagian A dan **dua** soalan daripada Bahagian B*

Markah untuk tiap-tiap soalan diberikan dalam tanda kurungan []

Kertas soalan ini terdiri daripada 2 halaman bercetak

@ Jabatan Pelajaran Negeri Sembilan 2010

SULIT*

BAHAGIAN A

Jawab dua soalan sahaja.

1. Dengan merujuk kepada contoh-contoh yang sesuai, jelaskan kepentingan alam sekitar terhadap masyarakat prasejarah ? (25m)
2. Huraikan perkembangan sistem pemerintahan beraja di China pada zaman Dinasti Han? (25m)
3. Bincangkan struktur pentadbiran ketenteraan di India sebelum Islam ? (25m)
4. Huraikan perkembangan sistem perdagangan daripada sistem barter kepada kapitalisme yang berlaku di Eropah.? (25m)
5. Huraikan peranan yang dimainkan oleh Melaka dalam proses penyebaran Islam di Asia Tenggara?. (25m)
6. Bincangkan faktor-faktor orang China melakukan penerokaan dan penjelajahan pada abad pertama masehi hingga abad ke 15 masehi? (25m)
7. Bandingkan ciri-ciri bandar yang terdapat dalam tamadun Mesopotamia dan tamadun Indus? (25m)
8. Bandingkan strategi peperangan antara Tamadun Rom dengan Tamadun Islam ? (25m)

BAHAGIAN B

Jawab dua soalan sahaja.

9. Huraikan perubahan-perubahan masyarakat Arab Jahiliah selepas kedatangan Islam? (25m)
10. Rasulullah bukan sahaja nabi dan rasul, tetapi juga seorang negarawan. Bincangkan ? (25m)
11. Nilaiikan kepentingan Piagam Madinah dalam pembentukan ummah di Madinah (25m)
12. Jelaskan pelaksanaan dan kepentingan zakat pada zaman khulafa ar-rasyidin (25m)

13. Bincangkan matlamat pendidikan Islam yang diasaskan oleh Nabi Muhammad s.a.w (25m)
14. Terangkan sumbangan Ibn Batuta dalam penjelajahan dan penerokaan? (25m)
15. Bandingkan ciri-ciri dan kepercayaan masyarakat Alam Melayu dengan masyarakat Jahiliah (25m)
16. Bandingkan konsep ketahanan dan pertahanan antara tamadun Islam dengan tamadun Eropah? (25m)

Skema jawapan Terpilih k1 percubaan sejarah stpm 2010

1. Dengan merujuk kepada contoh-contoh yang sesuai, jelaskan kepentingan alam sekitar terhadap masyarakat prasejarah.

A. Pendahuluan (3m)

1. Zaman Prasejarah merujuk kepada zaman yang belum wujud rekod bertulis tentang Kehidupan manusia.
2. Terbahagi kepada tiga zaman iaitu Zaman Paleolitik yang wujud antara tahun 50 000 tahun hingga 10 000 tahun S.M. , Zaman Mesolitik iaitu pada 10 000 hingga 7 000 S.M, dan Zaman Neolitik iaitu pada 7 000 hingga 3500 S.M.
3. Perkembangan masyarakat pada zaman prasejarah ini dapat dilakukan dengan peranan yang dimainkan oleh ahli arkeologi melalui penemuan dan pengkajian bahan fosil, binaan, tulang manusia, peralatan seperti senjata, tembikar dan lain-lain.

B. Isi-isi (7 isi x 3m = 21 markah)

1. Alam sekitar sebagai petempatan.

Ketika zaman Paleolitik, kehidupan masyarakat adalah secara nomad kerana muka bumi dilitupi oleh air batu. Mereka akan menjadikan tempat tertentu sebagai tempat tinggal sementara seperti gua, lubang dan tepi sungai. Mereka memilih gua kerana tempat tersebut dianggap selamat daripada keadaan sejuk. Pencairan ais telah mengubah muka bumi iaitu membawa wujudnya sungai dan tasik. Pada zaman Neolitik iaitu mereka mula tinggal tetap yang tertumpu di lembah-lembah sungai sehingga wujudnya perkampungan sebagai petempatan awal. Hal ini seterusnya menyumbang kepada proses perbandaran. Pemilihan tempat tinggal adalah mengikut kesesuaian agar mereka dapat menyesuaikan diri dengan alam sekitar mereka.

2. Alam sekitar sebagai sumber makanan dan sumber ekonomi.

Masyarakat zaman Paleolitik hanya cuba memperoleh bahan makanan daripada sumber alam melalui kegiatan memburu binatang, menangkap ikan dan mengutip hasil hutan untuk menyara diri dan keluarga mereka sahaja. Apabila persekitaran mereka berubah, kegiaitan

ekonomi mereka turut berubah iaitu pada zaman Neolitik mereka mula menghasilkan bercucuk tanam dan menternak binatang.

3. Alam sekitar sebagai bekalan air domestik dan pengairan.

Sungai-sungai yang wujud dan menjadi tumpuan petempatan masyarakat turut menyumbang kepada bekalan air domestik yang mudah untuk keperluan minuman, mandi dll . Akibat perkembangan pertanian dan penternakan sungai dapat membekalkan bekalan air untuk tanaman dan minuman ternakan mereka.

4. Alam sekitar membekalkan sumber tanah yang subur.

Sumber tanah yang subur dapat diperoleh daripada lembah sungai yang menjadi tumpuan petempatan masyarakat Neolitik. Tanah yang subur terdapat di lembah- lembah sungai akibat banjir yang berlaku dapat mengekalkan kesuburan tanah di kawasan berhampiran. Lembah sungai yang subur terhasil daripada pemendapan lanar-lanar daripada kelodak air banjir. Kawasan yang subur ini akan menjadi tumpuan aktiviti bercucuk tanam.

5. Alam sekitar sebagai sumber bahan mentah.

Rumah-rumah boleh dibina dengan menggunakan sumber alam seperti tanah liat, lumpur, kayu. Kulit binatang digunakan untuk membuat pakaian untuk menahan daripada sejuk, gigi binatang sebagai alat mengira, tanduk rusa, gading dijadikan perhiasan.

6. Alam sekitar sebagai alat pengangkutan.

Lebih-lebih lagi bagi masyarakat Zaman Neolitik apabila masyarakat sudah mula berhubung dengan kawasan luar untuk menjalankan kegiatan perdagangan.

7. Alam sekitar sebagai sumber kerohanian.

Alam sekitar sebagai tempat dewa dewi yang melindungi masyarakat. Ketidakupayaan mereka mengatasi bencana alam menyebabkan mereka percaya bahawa kuasa ghaib mempunyai kaitan yang rapat dengan persekitaran mereka. Mereka menyembah tuhan yang mempunyai kaitan dengan alam sekitar seperti tuhan matahari, tuhan sungai dan tuhan binatang. Unsur alam seperti sungai , gunung dan sebagainya akan dijadikan tempat upacara keagamaan. Mereka akan bergantung kepada fenomena alam seperti hujan. Semasa peredaran musim mereka akan menjalankan upacara ritual dan amalan korban. Sebagai contoh, tarian masyarakat Indian di Amerika menari sambil meniru gerak geri binatang yang dimakan kerana percaya sebagai suatu jaminan mendapat bekalan yang mencukupi.

8. Alam sekitar sebagai sumber penghasilan teknologi

Peralatan batu yang dihasilkan melalui kaedah merepik. Kebakaran hutan akibat kejadian kilat yang menyambar pokok menyebabkan penemuan api. Pakaian dibuat daripada kulit binatang dan dedaun. Kehidupan masyarakat Neolitik lebih kreatif dan inovatif untuk mencipta teknologi. Mereka mula mencipta roda, menghasilkan peralatan besi dan menenun kain daripada gentian tumbuh-tumbuhan.

9. Alam sekitar sumber penghasilan seni.

Masyarakat Paleolitik melakar gambar haiwan kerana kaitan dengan kepercayaan mereka. Pada zaman Neolitik, unsur alam dilihat sebagai simbol yang berkait rapat dengan kepercayaan mereka.

C. Kesimpulan (1 markah)

Alam sekitar seperti sungai, dan lain-lain mempunyai kepentingan tertentu yang menemtukan cara hidup masyarakat prasejarah . Manusia pada zaman awal menyesuaikan diri dengan alam sekitar. Kreativiti masyarakat Neolitik yang kreatif dan inovatif telah membawa perubahan yang sangat besar kerana mereka telah menguasai alam sekitar. Peranan alam sekitar ini jelas terbukti apabila pembentukan tamadun awal manusia berlangsung di lembah sungai.

2. Huraikan perkembangan sistem pemerintahan beraja di China pada zaman Dinasti Han?

Skema pemarkahan

Pengenalan (3 markah)

1. Latar belakang Dinasti Han
2. Sistem pemerintahan di China.
3. Dinasti Han muncul setelah jatuhnya kerajaan dinasti Chin pada tahun 206 SM. Dinasti ini kemudiannya telah meluaskan lagi wilayah China. Ibu negaranya terletak di Chang-an. Pencapaian terpenting dinasti Han ialah dari segi pembentukan sistem pemerintahan yang stabil. Sistem ini menjadi model kepada dinasti-dinasti China yang berikutnya.

Isi (20 markah: 5 isi x 4 markah)

1. **Pemerintah tunggal (Maharaja) – pemusatan kuasa oleh maharaja.**
Maharaja menduduki puncak kekuasaan tertinggi, berkuasa penuh untuk menggubal undang-undang, menguasai kerajaan dan mentafsir ideologi negara. Apabila mahu mengubah undang-undang, Maharaja hanya mengeluarkan perintah. Perintah Maharaja itu adalah undang-undang.
2. **Sistem Pentadbiran**
Maharaja dibantu oleh sebuah birokrasi, yang diuruskan oleh pegawai kerajaan. Mereka dilantik berasaskan kepada sistem peperiksaan awam. Dalam peperiksaan ini, mereka diuji pengetahuannya dari segi kesusasteraan, falsafah dan hal-ehwal pemerintahan. Para pegawai bertanggungjawab secara langsung kepada Maharaja. Untuk mengelakkan penyelewengan dan penyalahgunaan kuasa, Maharaja biasanya tidak membenarkan seseorang pegawai itu berkhidmat terlalu lama di satu-satu tempat atau di tempat kelahirannya dan juga terlalu lama memegang sesuatu jawatan. Sebab itu, seseorang pegawai kadang kala diserahkan beberapa tugas sekaligus, bagi

mengelak pegawai berkenaan memperolehi kemahiran dalam satu bidang tertentu sahaja. Malah, pada ketika tertentu, satu-satu tugas diserahkan kepada beberapa pegawai untuk dikongsi tanggungjawab pelaksanaannya. Birokrasi disusun kepada beberapa kementerian seperti perkhidmatan awam, percukaian, keraian, hukuman, dan pengadilan, dan kerja-kerja awam.

3. Sistem Undang-Undang.

Undang-undang terhadap petani dan golongan bawahan lainnya tidak boleh dipersoalkan, tetapi bagi golongan atasan/bangsawan, bentuk dan kuat kuasanya lebih fleksibel. Kadangkala apabila kesalahan membabitkan orang atasan, undang-undang boleh dipinda atau dihapuskan. Dikuatkuasakan dengan mengenakan hukuman yang berat, tetapi kadangkala dilaksanakan dengan lebih bertimbang rasa oleh pegawai yang berperikemanusiaan.

4. Ideologi rasmi

Pegawai kerajaan merupakan mereka yang taat kepada falsafah Confucius, mereka menganut fahaman ini dengan patuh. Mereka menjadi obor kepada penyebaran dan kelangsungan Confucianisme dalam tamadun China. Berbeza dengan Dinasti Chin, Pemerintahan Han berdasarkan prinsip intelektual, kesarjanaan Confucius dan bukan lagi berasaskan prinsip keperwiraan tentera.

5. kerajaan imperial

Pentadbiran empayar-empayar yang ditakluki Empayar Han berdasarkan sistem ufti sebagai tanda kepatuhan kepada kerajaan Han dan membentuk kerajaan imperial. Sistem ini bermula dengan Maharaja Han Wu Ti.

6. Hubungan diplomatik

Menjalinkan hubungan diplomatik dengan Tibet, Hsiung Nu, dan Bactria untuk menjamin kestabilan sempadan wilayah Han di China. Dasar ini adalah sebahagian dasar pembendungan musuh-musuh.

Kesimpulan (2 markah)

Melalui sistem pemerintahan yang diwujudkan itu, China memperolehi tatacara pemerintahan yang mantap. Meskipun Dinasti Han jatuh pada tahun 220M, dan selepas itu China beberapa ketika berada dalam huru-hara, tetapi setelah munculnya dinasti Sui, Tang, dan Sung kemudiannya, sistem pemerintahan di negara itu terus bergerak di atas landasan yang terbina pada zaman dinasti Han. Sistem tersebut menjadi amalan berterusan di negara China sehingga runtuhnya kerajaan dinasti Ching pada tahun 1911.

3. Bincangkan struktur pentadbiran ketenteraan di India sebelum Islam.

A Pengenalan (3 markah)

1. Organisasi ketenteraan merujuk kepada jenis-jenis tentera yang mengepalai sesuatu peperangan seperti tentera berjalan kaki (infantri) , tentera berkuda (kavalri) dan tentera berkuda. Selain itu, pentadbiran tentera, strategi dan taktik peperangan serta teknologi peperangan.
2. Latar belakang tamadun India.
Dipercayai bermula lebih kurang 2400 S.M. Penduduk awal tamadun India ialah orang Dravidia. Soal ketahanan dan pertahanan pada masa itu tidaklah dititikberatkan tetapi selepas kedatangan orang Aryan menjelang 1500 S.M, bermulalah organisasi ketenteraan yang lebih tersusun.
3. Kepentingan organisasi ketenteraan dalam tamadun India.

B. Organisasi Ketenteraan India Sebelum Islam (7 isi x 3m = 21 markah)

1. Pembahagian Tentera.

Tentera dibahagikan kepada 4 katogori utama iaitu tentera bergajah, tentera berkuda, tentera berkereta kuda, tentera berjalan kaki, dan tentera laut. Raja Namda dikatakan mempunyai 20 000 kavairi, 2000 kereta kuda, 200 000 infantri dan jumlah gajah antara 3000 hingga 6000 ekor.

2. Penggunaan gajah dalam pentempuran.

Ada dinyatakan dalam kitab-kitab Buddisme. Tentera bergajah adalah jenis tentera yang diutamakan di India. Gajah-gajah dilatih dan memainkan peranan seperti kereta perisai. Gajah-gajah mempunyai kelebihan memecahkan benteng pertahanan musuh, meruntuhkan pagar dan pintu kota, dapat dijadikan kenderaan untuk melihat kedudukan lawan serta memudahkan kerja memanah dan gajah akan dilengkapi dengan dua ke tiga orang tentera yang lengkap dengan pemanah. Malah, penggunaan gajah bertambah penting apabila gajah menjadi hadiah persembahan dan faktor penting kepada hubungan diplomatik pemerintah India dengan kuasa luar.

3. Kalvari (tentera berkuda)

Tentera berkuda memainkan peranan penting dalam menentukan kejayaan, tetapi kelemahan tentera ini boleh menjadi penyebab kepada kekalahan. Tentera berkuda dikatakan lebih berkesan untuk menyerang kerana dapat bergerak pantas. Pada Zaman Gupta, tentera berkuda digunakan sebagai alat pengangkutan dalam peperangan.

4. Penggunaan kapal.

Digunakan untuk mengangkut tentera di sepanjang sungai-sungai utama di India,

umpamanya Raja Pulakesin menghantar angkatan tentera laut untuk menawan Puri.

Raja-raja Chola mempunyai angkatan laut yang tetap.

5. Ahli-ahli perubatan.

Doktor dan jururawat turut berkhidmat dalam angkatan tentera. Membantu tentera yang tercedera. Mereka bukan sahaja berada di kem-kem tentera tetapi turut serta dalam peperangan. Golongan ahli perubatan ini akan menyediakan ubat-ubatan, kain anduh dan peralatan lain.

6. Pihak-pihak lain seperti peranan wanita, pasukan muzik, ahli astrologi.

Mereka terlibat dalam peperangan sebagai tukang masak dan pelayan di medan pertempuran. Pasukan muzik ditugaskan untuk memberi amaran dan bersiap sedia untuk turun ke medan perang. Peranan ahli astrologi amat penting dalam menentukan tarikh dan masa yang sesuai untuk melancarkan serangan. Malah, peperangan mereka akan dimulakan dengan upacara suci.

7. Unit asas tentera

Unit asas bagi tentera ialah patti (platun) yang mengandungi seekor gajah, sebuah kereta kuda, tiga ekor kuda dan lima anggota tentera. Tiga patti akan membentuk satu senamukka, tiga senamukka akan membentuk satu gulma dan berterusan sehingga terbentuk angkatan tentera yang lengkap yang dikenali sebagai aksauhini yang biasanya mengandungi 21 870 patti (bilangan tidak rigid)

8. Strategi perang.

Mereka mahir membina kubu pertahanan yang dilengkapi dengan tembok ataupun parit. Contohnya di Durga , bandarnya dikelilingi oleh tiga buah parit. Di dalamnya terdapat kubu yang dilitupi dengan ole pohon renek berduri dan dikelilingi oleh tembok setinggi 36 kaki dengan banyak menara dan balkoni beratap untuk kegunaan pemanah. Di Pataliputra, terdapat tembok kayu yang lengkap dengan 570 buah menara serta 64 buah pintu masuk. Kem tentera dibina sebagai kediaman sementara raja dan pengikutnya dikawal rapi.

9. Peralatan tentera.

Tentera India memiliki meriam, kayu pelantak serta peralatan untuk merobohkan kubu pertahanan musuh. Busur yang panjang antara 5 hingga 6 kaki, panah beracun, pedang nistrimsa, tombak dan lembing.

10. Pentadbiran ketenteraan.

Pasukan tentera mempunyai beberapa orang Panglima Agung (Mahasenapati) yang lazimnya merupakan kerabat diraja. Panglima Agung akan menerima arahan secara langsung daripada raja. Di bawah panglima Agung , seorang kapten yang hampir menyerupai golongan bangsawan feudal akan dilantik . Anggota anggota regimen, bahagian, dan skuadron mempunyai tugas-tugas yang telah ditetapkan. Bagi tujuan memantapkan pentadbiran ketenteraan, pemerintah akan memperkemaskan pentadbiran dengan melantik gabenor wilayah dan memperkenalkan undang-undang bagi memastikan kebajikan rakyat, menggunakan agama untuk mengukuhkan kekuasaannya dan mewujudkan hubungan diplomatic dengan negara-negara jiran atau kawasan yang dikuasai melalui perutusan diplomat ataupun melalui perkahwinan politik.

C. Kesimpulan (1 markah)

Struktur ketenteraan mempunyai peranan yang penting dalam memastikan kejayaan sesuatu operasi ketenteraan. Kejayaan kerajaan India dalam mempertahankan kerajaannya mereka sememangnya berkait rapat dengan kekuatan ketahanan dan pertahanan mereka seperti pada Zaman Maharaja Chandragupta Maurya dan Maharaja Asoka.

5. Huraikan peranan yang dimainkan oleh Melaka dalam proses penyebaran Islam di Asia Tenggara.

A. Pendahuluan (3 m)

1. Latar belakang Melaka
2. Perkembangan pendidikan di Melaka dari zaman Hindu-Budhha hingga zaman Islam.
Memainkan peranan sebagai pusat pengajian Islam pada abad ke 15 Masihi.

B. Isi-isi (7isi x 3m = 21 markah)

1. Kedudukan Melaka yang strategik

Melaka terletak di tengah-tengah laluan perdagangan antara timur dan barat. Menjadi kawasan tumpuan kegiatan perdagangan. Kedudukan ini juga memastikan Melaka sentiasa berada dalam keadaan selamat dikunjungi sepanjang tahun kerana terlindung daripada tiupan angin monson. Sepanjang tempoh menunggu perubahan angin, aktiviti perdagangan berlangsung dan Islam turut tersebar.

2. Perkembangan aktiviti perdagangan

Perdagangan Melaka yang giat telah menyumbang kepada penyebaran Islam. Para pedagang yang berkeperibadian baik, urusan perniagaan dijalankan mengikut syariat Islam menyebabkan Islam turut tersebar. Pedagang-pedagang turut berasa bertanggungjawab menyebarkan Islam sebagai khalifah di muka bumi turut membawa pendakwah semasa berdagang. Hal ini pasti akan mengiatkan lagi aktiviti pendakwaan di kepulauan Melayu.

3. Peranan istana

Telah berperanan sebagai pusat pengajian Islam sejak abad ke-15 M. Putera-putera Raja dari seluruh nusantara akan mengunjungi istana Melaka untuk mendalami ilmu agama. Sultan Melaka sendiri seperti Sultan Mansur Syah dan Sultan Mahmud Syah serta pembesar-pembesar akan mempelajari ilmu tersebut. Namun, istana merupakan tempat pengajian hanya untuk kerabat diraja. Istana turut berperanan sebagai pusat pengajian ilmu tasawuf. Istana sebagai perpustakaan, tempat penyalinan dan penterjemahan karya-karya Arab. Istana menjadi tempat tumpuan para ulama dan bijak pandai menjalankan perbincangan.

4. Melaka menjadi pusat penterjemahan dan penyalinan karya-karya Arab.

Terdapat golongan cerdik pandai yang menguasai kuasa asing seperti bahasa Arab dan Parsi akan menterjemahkan kepada bahasa Melayu. Antara karya sastera yang diterjemahkan di istana Melaka ialah Hikayat Amir Hamzah, Hikayat Iskandar Zulkarnian. Kitab saduran pula seperti Hikayat Bulan Terbelah, Hikayat Nabi Bercukur dll.

5. Melaka berperanan sebagai pusat mengumpul dan menyimpan kitab agama

Kitab-kitab yang dikarang oleh pengarang tempatan dan asing akan disimpan dalam istana. Kitab-kitab ini dijadikan bahan rujukan oleh pelajar dan para ulama. Sebagai contoh Hikayat Amir Hamzah dan hikayat Ali Hanafiah disimpan dalam istana.

6. Peranan institusi pendidikan

Surau , masjid, rumah ulama dijadikan tempat pendidikan formal dijalankan bagi golongan rakyat biasa. Mereka boleh melanjutkan pelajaran ke Mekah dalam aliran agama. Apabila tamat pengajian, mereka akan menjadi guru-guru agama.

7. Peranan golongan pemerintah

Pentadbiran yang stabil menjamin kestabilan dan keamanan. Peranan Tun Perak juga amat penting bagi menstabilkan pentadbiran. Keadaan yang stabil dan kuat menyebabkan Melaka terkenal dan mudah menyusun strategi untuk menyebarkan agama. Inisiatif golongan pemerintah menghantar Kitab al-Dur al-Manzum ke Pasai untuk diterjemahkan kerana Pasai terlebih dahulu menjadi pusat pengajian Islam. Terdapat juga soalan-soalan agama dihantar ke Pasai untuk diperbincangkan. Selain itu, sultan Melaka juga menghantar pendakwah ke kawasan luar seperti ke Filipina, Jawa untuk menyebarkan agama Islam.

8. Peranan golongan ulama

Golongan ini mendapat kedudukan yang tinggi dalam kalangan masyarakat. Kedatangan ulama dari Tanah Arab dan India menyebabkan berlakunya perkembangan pesat dalam pelbagai bidang pengajian Islam seperti ilmu fikah, Usuluddin, dan Syariah. Golongan ulama di Melaka juga turut membahaskan Kitab Darul Manzum yang merupakan kitab utama yang berkaitan dalam aspek-aspek ketuhanan.

9. Perluasan kuasa

Melaka yang berjaya meluaskan wilayah takluk di Kepulauan Melayu turut menyumbangkan penyebaran Islam. Walaupun Islam tidak disebarkan melalui mata pedang tetapi wilayah-wilayah yang ingin menunjukkan taat setia kepada Kesultanan Melayu Melaka turut menganut agama Islam.

10. Hubungan diplomatik

Hubungan diplomatik Melaka dengan negara-negara serantau turut menyebabkan Islam tersebar.

11. Peranan karya-karya sastera

C. Kesimpulan (1m)

Peranan Melaka dalam bidang pendidikan ini telah membawa kemunculan golongan cendekiawan dalam pelbagai bidang. Perkembangan intelektual ini secara langsung seperti tidak langsung membawa kepada perkembangan agama Islam dengan lebih pesat.

Isi-isi mesti dikaitkan dengan penyebaran agama Islam.

6. Bincangkan faktor-faktor yang mendorong orang China melakukan penerokaan dan penjelajahan pada abad pertama Masehi hingga abad ke 15 Masehi.?

Skema Pemarkahan

A Pengenalan (3 markah)

1. Penjelajahan bermaksud mengelilingi atau berjalan ke merata-rata tempat atau daerah. Menurut kamus Dewan, penerokaan bermaksud menyelidik, menjelajah, menjalani, mengharungi dan menghadapi. Aktiviti penjelajahan dan penerokaan berlaku sejak zaman prasejarah lagi.
2. Kegiatan penerokaan dan penjelajahan orang China dapat dikesan sejak kurun pertama Masehi lagi. Ekspedisi penerokaan dan penjelajahan dihantar ke Laut Caspian, Asia Selatan, Eropah dan Afrika.
3. Tokoh-tokoh penerokaan dan penjelajahan China.

A. ISI – ISI PENTING. (7 isi X 3m = 20m)

1. Meluaskan pengaruh.

Semasa pemerintahan Dinasti Han, Maharaja Wu Ti telah menghantar misi ke Yueh Chih dengan tujuan untuk mengadakan penentangan puak Hsiung Nu yang mengancam kawasan sempadan Utara China. Misi tersebut akhirnya berjaya. China berjaya menguasai sebahagian Asia Tengah termasuk Lembah Tarim. Pada abad pertama Masehi, Jeneral Pan Chao dilantik sebagai wizarai Kashgar dan meluaskan pengaruh hingga ke sempadan Syria.

2. Perdagangan.

Penerokaan China juga untuk kepentingan perdagangan sehingga berjaya menemui jalan sutera ke barat. Melalui jalan ini mereka telah membawa bendera sutera yang berharga ke Eropah dan membawa balik barang dagangan dari barat seperti bulu binatang dan batu permata. Kapal – kapal dagang China telah sampai ke Cettigara, Jawa Timur dan Pulau Maluku. Dibawah pernaungan Maharaja Yung Lo, Laksamana Cheng Ho (1371 – 1434) telah mengetuai ekspedisi pelayaran ke Asia Tenggara untuk memperluaskan perdagangan melalui sistem ufti.

3. Agama.

Pada tahun 399 Masihi, orang China melakukan penerokaan ke India untuk menambahkan ilmu pengetahuan dan mempelajari agama Budha. Mubaligh Fa Xian telah merentasi gurun Taklamakan dalam perjalannya ke India. Beliau berusaha mempelajari Budha yang tulen dan kemudiannya kembali semula ke China melalui jalan darat. Mubaligh Xuang – Zang telah mengembara ke India melalui Samarkhan dan Bactria dan berjaya mengumpulkan buku suci Budha untuk dibawa ke China.

4. Ilmu Pengetahuan.

Tokoh pelayaran China seperti Hsuan – Tsang, I – Ching dan Fa Hsien mengembara dengan tujuan untuk meningkatkan ilmu pengetahuan terutamanya berkait rapat dengan bahasa Sanskrit, budaya dan agama. Fa – Hsien berjaya menghasilkan buku yang memberi deskripsi lengkap tentang sistem politik, ekonomi dan sosial masyarakat India. I – Ching berjaya mengumpulkan 4000 naskhah yang mengandungi 500,000 seloka Tritaka dari India dan diterjemahkan ke dalam 230 buah jilid buku.

5. Diplomatik.

Pada abad pertama masihi orang China mengembara dengan tujuan misi politik. Utusan China telah sampai ke Constantinopel dan mengadakan hubungan dengan empayar Rom. Pada abad ke – 15 Masihi, Maharaja Ming telah menghantar utusan menjalinkan hubungan diplomatik dengan Kesultanan Melayu Melaka. Ini dapat memperluaskan lagi pengaruh dan kekuasaan China.

6. Kemajuan dalam bidang teknologi perkapalan dan pelayaran

(a) Orang China mempunyai kemahiran membina kapal-kapal yang besar. Kapal-kapal ini boleh digunakan dalam pelayaran jarak jauh.

(b) Mempunyai kemampuan mencipta pelbagai jenis peralatan seperti kompas magnetik, sekstan, papan pelindung angin, dan ruangan kedap air. Penemuan-penemuan ini membolehkan ekspedisi di dilancarkan di lautan Pasifik

7. Perluasan Wilayah Naungan

- (a) Jeneral Pan Chao meluaskan pengaruh China hingga Syria.
- (b) Ekspedisi ketenteraan dihantar ke Jepun (1274 M dan 1281M) dan Jawa (1202M)
- (c) Hubungan dengan Melaka – ekspedisi Cheng Ho.

B. KESIMPULAN:

Apa – apa sahaja yang berkaitan.

7. Bandingkan ciri-ciri bandar yang terdapat di Tamadun Mesopotamia dan Tamadun Indus.

A Pendahuluan (3 markah)

1. Konsep bandar dan perbandaran.

Bandar ialah unit politik dan suatu petempatan yang didiami oleh sejumlah penduduk atau mempunyai kelompok rumah tempat kediaman. Bandar ialah kawasan yang dihuni oleh penduduk yang ramai dan sebahagian daripada mereka boleh membaca dan menulis dan terlibat dalam kegiatan bukan pertanian. Proses di mana penduduk tinggal dan bekerja di kawasan yang kecil dan menjalankan kerja-kerja seperti perdagangan , perindustrian, dan perkhidmatan.

2. Latar belakang Tamadun Mesopotamia, wujud kira-kira 3500 S.M di antara Sg Tigris dengan Sungai Euphrates. Dikenali sebagai Tamadun Antara Dua Sungai. Pada

Dinasti awal terdapat 13 buah Bandar seperti Lagash, Babylon, Ansur, Uruk dll.

3. Tamadun Indus wujud kira-kira 3500 tahun S.M. Terletak di lembah Sg Indus. Merupakan tamadun paling awal mencapai kemajuan dalam bidang perbandaran.

Antara Bandar utamanya ialah Harrapa dan Mohenjo-daro. Kedua-dua bandar dirancang dengan teratur dan teliti.

- 4 . Faktor-faktor perkembangan Bandar – peningkatan hasil pertanian dll.

B (Ciri-ciri bandar) (5 isi x 4m = 20 markah)- (SKEMA A)

1. Perbentukan dan perkembangan bandar.

Mesopotamia:

- i. Mempunyai pusat bandar – merupakan kawasan tertua. Terdapat istana, rumah berhala, tempat kediaman pegawai-pegawai istana, kedai dan petempatan awam. Pintu gerbang akan berfungsi sebagai tapak perhimpunan.
- ii. kawasan luar bandar dan pelabuhan – meliputi kawasan pertanian dan penternakan, tembok dibina untuk melindungi kawasan ini dan terdapatnya kubu-kubu pertahanan.
- iii. Pelabuhan – bertindak sebagai pusat kegiatan perdagangan. Pelabuhan mempunyai pentadbiran dan perundangan yang tersendiri. Ada tempat penginapan dan gudang untuk menyimpan barang dagangan.

Indus

- i. Pembinaan bandar dibina secara terancang mengikut pelan yang sama seperti bandar moden . Meruoakan bandar terancang yang pertama di dunia. Bandar-bandar terbahagi kepada dua bahagian iaitu kubu dan bandar. Kubu dibina di bahagian timur bandar bagi mengelakkan kejadian banjir dan serangan musuh . Antara bangunan awam yang dbina ialah dewan perhimpunan, gudang, pejabat pendeta, tandas awam, bilik mandi awam dll.

2. Kemunculan sistem pentadbiran

Mesopotamia : Sistem pemerintahan beraja. Tinggal di pusat bandar di istana di zinggurat . Raja dibantu oleh golongan bangsawan.

Indus : Golongan pendeta akan menjadi golongan pemerintah di Indus. Raja -raja akan mengawasi pembinaan rumah berhala di kawasan bandar.

3. Perkembangan sistem ekonomi :

Mesopotamia : Bandar-bandar Mesopotamia mempunyai kawasan berjual-beli, iaitu pasar dan kedai. Senarai barang yang dijual akan dipamerkan . Terdapat juga kedai menjual barang-barang mewah seperti Bit Mahirim yang terdapat di Sippar. Bandar pelabuhan pula berperanan mengendalikan kegiatan perdagangan dan menyediakan kemudahan asas kepada pedagang.

India : Jelapang berukuran 150 kaki x 200 kaki untuk menyimpan bijirin.
Terdapat 27 blok dalam jelapang dan dilengkapi dengan saluran pengudaraan .

4. Kemudahan prasarana :

Mesopotamia : Pintu gerbang dibina sebagai laluan masuk utama ke dalam bandar.

Contohnya Babylon, terdapat 8 pintu gerbang dan pintu Ishtar adalah pintu masuk utama. Memainkan peranan sebagai mengawal dan mengawasi orang yang keluar masuk. Turut berfungsi sebagai daya tarikan kepada pelancong kerana terdapat manumen yang diukir dan dihiasi di pintu gerbang. Memainkan peranan sebagai pusat sivik kepada rakyat. Pintu gerbang dibina sebagai lambang kekayaan sesebuah bandar.

Jalan raya dibina untuk menghubungkan pintu gerbang dengan tempat-tempat lain. Jalan-jalan mempunyai ukuran lebar yang standard dan bersilang pada sudut tepat. Terdapat jalan perarakan (jalan suci) yang dibina untuk perarakan perayaan Tahun Baru.

Indus : Reka bentuk pelan kota-kota di Lembah Indus membayangkan bahawa kehidupan penduduk sangat sistematik. Bandarnya mempunyai kemudahan awam serta tempat mandi awam dan tandas awam yang dibina untuk kegunaan golongan buruh dan hamba. Great Bath yang berukuran 39 kaki panjang, 23 kaki lebar dan 8 kaki dalam. Terdapat tangga yang dibina dengan menggunakan batu dan bitumen. Air dalam kolam akan diisi dan dikosongkan semula. Terdapat bilik mandi dikhaskan untuk golongan pendeta dan golongan bangsawan.

Terdapat juga sistem pembentungan bawah tanah . Longkang yang

yang dalam dan tertutup dibina di sepanjang jalan utama dan disediakan lubang bagi memudahkan urusan pembersihan. Kawasan perumahan dibina mengikut pelan yang sama. Terdapat rumah satu tingkat atau dua tingkat. Berbumbung rata dan mempunyai saiz rumah yang berbeza. Terdapat bilik tidur, serambi, bilik mandi dan serambi. Rumah kongsi bagi buruh dan hamba dibina dalam satu deretan, mengandungi 2 bilik dengan keluasan 20 x 12 kaki persegi.

5. Teknologi perbandaran :

Mesopotamia : Taman Tergantung Babylon yang dibina oleh Raja Nebuchadnezzar mempunyai taman yang ditamam dengan pelbagai pokok bunga. Pokok bunga yang ditanam pada binaan bertingkat di bukit berteres menampakkan seolah-olah taman tersebut tergantung.

Indus : Kemampuan masyarakat Indus membina Bandar terancangnya adalah disebabkan kemajuan dalam bidang geometri dan matematik dan seni bina. Bandar-bandar dibina menggunakan teknologi tinggi. Bandar dibina daripada batu-bata yang bermutu tinggi dan bersaiz standard. Bangunan dibina dalam bentuk blok-blok empat segi di sepanjang jalan dan lorong dengan tujuan menjamin kualiti bangunan dan memperlihatkan kemajuan yang dicapai. Mereka juga akan memastikan piawai yang tertentu dikenakan supaya bangunan tahan lama dan selamat daripada kemudahan akibat cuaca.

6. Perkembangan sistem pertahanan :

Mesopotamia : Dibina sejak 3000 SM. Kerana negara-negara kota di Mesopotamia

sering bermusuhan menyebabkan aspek pertahanan dititikberatkan.

Pembinaan kubu dan benteng pertahanan serta tembok-tembok yang kukuh telah dibina di sekeliling kota. Tembok berfungsi sebagai sempadan yang memisahkan kawasan bandar dan luar Bandar. Tembok terdiri daripada pelbagai jenis iaitu segi empat, bulat dan bujur. Hal ini bagi menjamin keselamatan dan keamanan penduduk.

Indus : kubu dan tembok pertahanan turut dibina.

7. Perkembangan kebudayaan seperti agama, bahasa dan tulisan.

Mesopotamia : Zingurat

Indus : Kuil

C Kesimpulan (2 markah)

Ciri-ciri perbandaran yang ditemui di kedua-dua tamadun menggambarkan manusia mempunyai kebijaksanaan tersendiri dan telah merancang pembangunan bandar masing-masing.

SKEMA B

Ciri-ciri bandar dalam Tamadun Mesopotamia (maksimum 5 m)

1. Pusat bandar

- (i) Merupakan bahagian tertua dalam bandar.
- (ii) Terdapat istana, rumah berhala, tempat kediaman pegawai-pegawai istana dan penempatan awam.
- (iii) Pintu gerbang berfungsi sebagai tapak perhimpunan.

2. Kawasan luar bandar

- (i) Meliputi kawasan pertanian dan penternakan.
- (ii) Tembok dibina untuk melindungi kawasan ini.
- (iii) Terdapat kubu-kubu (*kidunu*) yang dibina untuk pertahan.

3. Pelabuhan

- (i) Pusat kegiatan perdagangan.
- (ii) Pelabuhan mempunyai pentadbiran dan perundangan yang berasingan.
- (iii) Terdapat tempat penginapan dan gudang untuk menyimpan barang dagangan.

4. Pembinaan kubu

- (i) Kubu dibina bagi tujuan pertahanan sejak 3000 S.M.
- (ii) Bandar-bandar lama mempunyai kubu dalam bandar manakala bandar-bandar baru mempunyai kubu di luar kawasan bandar..

5. Pembinaan tembok pertahanan

- (i) Dibina untuk mempertahankan bandar daripada serangan musuh.
- (ii) Berfungsi sebagai sempadan yang memisahkan kawasan bandar dan luar bandar.
- (iii) Tembok terdiri daripada pelbagai jenis, iaitu segi empat tepat, bulat, dan bujur.
- (iv) Di bandar-bandar lama, tembok dibina untuk memisahkan rumah berhala dan istana.

6. Pintu gerbang

- (i) Merupakan laluan masuk utama ke dalam bandar. Contoh: di Babylon, terdapat 8 pintu gerbang dan pintu Ishtar adalah pintu masuk utama.
- (ii) Memainkan peranan dalam mengawal dan mengawasi orang yang keluar dan masuk.
- (iii) Berfungsi sebagai daya tarikan kepada pelancong kerana terdapat monumen-monumen yang diukir dan dihiasi di pintu gerbang.
- (iv) Memainkan peranan sebagai pusat sivik.

7. Pasar

- (i) Bandar-bandar Mesopotamia juga mempunyai kawasan berjual-beli, iaitu pasar dan kedai.
- (ii) Senarai harga barangan yang dijual dipamerkan.
- (iii) Kedai menjual barang-barang mewah. "Bit Mahirim" terdapat di Sippar.

8. Jalan raya

- (i) Jalan-jalan dibina untuk menghubungkan pintu gerbang dengan tempat-tempat lain.

- (ii) Jalan-jalan mempunyai ukuran lebar yang standard dan bersilang pada sudut tepat.
- (iii) Terdapat jalan perarakan (jalan suci) yang dibina di Babylon, Assur, Hattusa, dan Uruk. Jalan ini digunakan untuk perarakan semasa perayaan Tahun Baru.

Ciri-ciri bandar di tapak Mohenjo-Daro dan Harappa (mak 5 m)

1. Bandar terancang yang terawal di dunia.

Perancangan Bandar dibuat dengan sempurna dan mengikut grid. Kebanyakan Bandar terdiri daripada dua bahagian iaitu kubu dan Bandar Kubu terletak di bahagian timur untuk mengelak serangan musuh serta mengatasi masalah banjir.

2. Batu bata yang standard.

Bangunan diperbuat daripada batu bermutu tinggi dan bersaiz standard

Bangunan didirikan dalam blok empat persegi di sepanjang jalan dan lorong. Tujuan untuk menjamin kualiti bangunan.

3. Jalan Raya

Jalan dibina secara lurus dan berukuran 30 kali lebar.

Jalan dari utara ke selatan di silang oleh jalan-jalan lain pada sudut tepat dan membentuk blok yang berukuran 130 kaki persegi

Terdapat pembinaan longkang dan sistem pembuangan.

Longkang dibina di sepanjang jalan utama dan ditutup

Longkang dilengkapi dengan lubang pemeriksaan bagi memudahkan kerja pembersihan jika longkang tersumbat.

Air dari rumah dialirkan ke longkang besar menerusi longkang2 kecil

4. Kemudahan awam

Reka bentuk pelan kota-kota membayangkan bahawa kehidupan penduduk sangat sistematik. Bandar dilengkapi dengan segala kemudahan awam seperti tempat mandi awam dan tandas awam. Kemudahan tersebut dibina berhampiran jalan utama untuk kegunaan buruh dan hamba. Selain itu terdapat kolam mandi yang besar (The Great bath) berukuran 39 kaki panjang dan 23 kaki lebar dan 8 kaki dalam. Terdapat tangga yang dibina menggunakan batu dan bitumen. Terdapat bilik mandi khas untuk golongan pendeta dan bangsawan.

5. Bentuk rumah.

Terdapat pembinaan rumah yang standard. Antaranya bentuk rumah dua tingkat atau lebih, saiz setiap rumah adalah berbeza. Terdapat bilik tidur, serambi, bilik mandi dan perigi. Rumah dibina dalam satu deretan di sepanjang jalan utama dan terdapat ruang antara rumah untuk peredaran udara. Selain itu setiap rumah dibina rumah kongsi untuk

tempat tinggal buruh dan hamba. Terdapat juga jelapang sebagai tempat menyimpan bijirin.

8. Bandingkan strategi peperangan antara tamadun Rom dengan Tamadun Islam.

Skema Pemarkahan

A Pendahuluan (3 markah)

1. Latar belakang Rom

2. Peperangan yang meliputi pertahanan dan penyerangan tidak terpisah daripada evolusi masyarakat manusia yang sering diiringi oleh perebutan kuasa atau persaingan politik serta penaklukan untuk memperkuatkan kedudukan politik atau kepentingan perluasan tanah jajahan. Pada hal itu, ahli sejarah dapat menetapkan beberapa objektif-objektif dan taktik-taktik yang menggariskan sesuatu pencetus peperangan yang berlaku dari masa ke semasa.

3. Latar Belakang Kepimpinan Nabi Muhammad.

Setelah berhijrah ke Madinah Nabi Muhammad s.a.w. telah mendirikan sebuah negara Islam. Madinah terancam oleh kaum Yahudi dan kaum Musyrikin Mekah. Orang Islam terpaksa mempertahankan agama, umat dan negara Islam Madinah. Kegiatan ketenteraan Islam ialah untuk bertahan bukan untuk menyerang.

4. Konsep peperangan dalam Islam.

B Isi-Isi

1. Strategi Peperangan Rom (5 isi x 2m = 10 m)

a) Pengawalan laut Mediterranean utk menjamin kebebasan pergerakan tentera Rom.

(b) Melindungi empayar Rom dengan mengawal ketat sempadan-sempadan semula jadi seperti sungai, gunung dan laut

(c) Dasar pembendungan musuh seperti jalinan kerjasama dengan jiran-jiran musuh Rom.

(d) Membina bandar-bandar di merata-rata empayar Rom sebagai pengkalan gerakan tentera Rom.

(e) Membina koloni tentera-tentera Rom, untuk mempertahankan sempadan Rom.

(f) Membina jaringan jalan raya di seluruh empayar Rom bagi mempercepatkan gerakan tentera Rom.

(g) Penyerangan

(h) Pengepungan

(i) Menggunakan orang gasar untuk menyerang musuh-musuh Rom

2. Strategi Peperangan Islam (5 isi x 2m = 10 m)

1. Baginda memilih tempat yang strategik dan melancarkan taktik pergerakan secara serentak dan bertindak menyelaraskan seluruh tenaga tentera untuk menjayakan kemenangan
2. Menggunakan taktik menunggu iaitu tentera Islam menunggu hingga tentera musuh datang barulah bertindak balas dan menyerang. Taktik itu dilakukan di Perang Badar
3. Menggunakan taktik bertahan dengan membina benteng pertahanan seperti menggali parit untuk mematahkan serangan musuh. Contoh ini didapati dalam Perang Khandak di mana parit yang besar menghalang musuh menembusi sesuatu kawasan dengan mudah
4. Menggunakan taktik mengepung dan seterusnya melancarkan serangan bertubi-tubi sehingga tentera musuh tidak sempat bersedia menyerang balik. Taktik ini dilakukan dalam perang Taif di mana Baginda menggunakan pelbagai jenis senjata untuk memecahkan kubu pertahanan musuh
5. Menggunakan taktik memperdayakan musuh demi kepentingan kelemahan semangat perjuangan musuh.
6. **Taktik al-Saf:** digunakan dalam Perang Badar. Cara, tentera dibahagikan kepada 2 barisan; barisan pertama di hadapan bersenjatakan tombak dan perisai manakala barisan kedua bersenjatakan panah dan perisai dan diketuai oleh pemegang bendera. Tentera Islam hanya berjumlah 313 orang, musuh 3,000 orang.
7. **Tidak mengejar musuh. :**
8. **Menghantar unit peninjau/perisik.**

10. Nabi Muhammad S.A.W Bukan Sahaja Seorang Nabi Dan Rasul Tetapi Juga Seorang Negarawan". Bincangkan Pernyataan Ini.

A. PENDAHULUAN.

- a. Latarbelakang Nabi Muhammad s.a.w
- b. Pengertian nabi dan rasul.
- c. Riwayat Hidup Nabi Muhammad s.a.w

B. ISI – ISI PENTING. (5 x 4m = 20m)

1. Nabi Muhammad s.a.w sebagai seorang nabi dan rasul. Baginda telah diakui sebagai seorang nabi dan Rasul menerusi kitab – kitab suci iaitu Al – Quraan, Injil, Zabur dan Taurat dan juga menerusi fakta sejarah. Bahirah, seorang Pendita Kristian telah menyatajan adanya tanda - tanda kenabian dan kerasulan pada diri Nabi Muhamad s.a.w
2. Nabi seorang pemimpin politik, Nabi telah dilantik menjadi Hakim bagi menyelesaikan masalah pemindahan Hajar Aswad sewaktu Kaabah dilanda banjir. Setelah itu baginda mengetuai bagi pihak orang Islam Makkah dalam perjanjian Aqabah I dan II sebelum dilantik menjadi ketua negara Islam Madinah.
3. Nabi sebagai perancang ekonomi. Baginda telah merancang dan melaksanakan beberapa projek – projek ekonomi Madinah termasuk projek pertanian dan perdagangan.
4. Nabi sebagai pembimbing kehidupan sosial. Baginda sebagai ketua dalam keluarga dan telah berjaya menyelesaikan masalah persengketaan antara kaum Auz dan Khazraj dan antara kaum Arab dengan Yahudi di Madinah.
5. Nabi sebagai pemimpin tentera yang berjaya. Diantara kejayaan yang terbesar ialah dalam Perang Badar, Khandak dan pembukaan Kota Makkah.

C. KESIMPULAN:

Apa – apa sahaja yang berkaitan.

Soalan 11

Nilaikan kepentingan Piagam Madinah dalam pembentukan ummah di Madinah.

A. Pendahuluan [3 Markah]

- a. Hijrah Nabi Muhammad ke Madinah dan kesannya.
- b. Sebelum Perlembagaan Madinah diperkenalkan oleh Nabi Muhammad s.a.w telah mengambil beberapa langkah seperti mempersaudarakan kaum

Muhajirin dan Ansar, membina masjid dan mengawal aktiviti penduduk

bukan Islam di Madinah.

- c. Perlembagaan Madinah mempunyai 47 fasal.
- d. Komposisi penduduk Madinah.

B. Isi [7 Isi x 3 Markah = 21 markah]

1. Nabi Muhammad s.a.w sebagai pemimpin.
Dalam perkara pertama piagam, semua rakyat Madinah hendaklah menerima kepimpinan nabi Muhammad s.a.w.

Penduduk Islam menerima Nabi sebagai pemimpin agama dan ketua negara.

Nabi juga menjadi tempat rujukan sekiranya terdapat sebarang masalah.
2. **Konsep ummah**
Seluruh penduduk Madinah sama ada Islam atau bukan Islam disatukan di bawah konsep ummah.

Hal ini disebut dalam perkara kedua perlembagaan Madinah.

Suku Aus dan Khazraj dipersaudarakan (Ansar).

Golongan Ansar dan Muhajirin turut dipersaudarakan.
3. **Kebebasan beragama.**
Sebagai sebuah negara bebas, rakyat diberi kebebasan menganut agama masing-masing.

Kebebasan ini telah dijamin oleh Al-Quran yang bermaksud “ Tiada paksaan dalam beragama “. (Sebelum memeluk agama Islam). Melalui ayat ini orang-orang Islam tidak boleh memaksa orang bukan Islam memeluk Islam. Sungguh pun demikian Nabi sentiasa menggalakkan umat Islam memberi contoh yang baik sehingga mereka tertarik dengan Islam dan menganut Islam.

4. **Kewajiban mempertahankan negara**

Oleh kerana penduduk Madinah terdiri daripada Islam dan bukan Islam, nabi telah mengikat mereka dengan perjanjian ini bahawa semuanya hendaklah mempertahankan kota Madinah jika diserang oleh pihak musuh.

Dengan kenyataan ini membuktikan bahawa orang bukan Islam hendaklah bersama dengan negara untuk mempertahankan keselamatan negara dari dicerobohi oleh musuh Islam.

5. **Keselamatan harta dan nyawa** penduduk Madinah dipelihara selagi mereka taat kepada perundangan negara.

Perjanjian dengan pihak luar perlu mendapat restu ketua negara Islam.

6. Adanya **kerjasama** dan sikap tolong-menolong sesama warga Madinah adalah diwajibkan.

Adanya persamaan taraf sesama penduduk.

7. Al-Quran dan Hadis menjadi sumber perundangan dan sebagai **rujukan utama**.

12. Jelaskan pelaksanaan dan kepentingan zakat pada zaman khulafa ar-rasyidin (25m)

A. PENGENALAN.

Difinisi zakat dan sejarah penubuhan institusi zakat:

1. Zakat berasal daripada perkataan Arab kata zasar Zakat yang bererti Penambahan dan Penyucian. Penambahan bermaksud memberi dan menambah kemakmuran dan pahala umat Islam, penyucian bermaksud pembayaran bagi mensucikan jiwa umat Islam.
2. Sejarah Institusi zakat dilaksanakan sejak zaman Kenabian Ibrahim a.s Nabi ishaq, nabi Yaakub, Nabi Ismail dan Nabi Isa a.s. Pada permulaan Islam zakat ,mula dibayar secara suka rela oleh Bani Adhrah dari Yaman yang terkenal dengan sifat pemurah dan berbudi mulia. Pada tahun ke dua Hijrah (623 M), zakat difardhukan secara ijbari (kuat kuasa) atau ilzami (wajib) diantara bulan syaaban hingga bulan Syawal. Keengganan membayar zakat boleh membawa kepada hukuman bunuh atau dipaksa membayar zakat oleh pemerintah.
3. Latarbelakang pemerintahan Khalifah Abu bakar:
 - Memerintah selama 2 tahun 6 bulan (632 0 634 Masihi)
 - Menghadapi ancaman gerakan Ar – Riddah.
4. Latarbelakang pemerintahan khalifah Umar Al – Khattab.

- Memerintah selama 10 tahun 634 – 644 Masihi .
- Melalui zaman kemakmuran semasa pemerintahannya.

B. ISI – ISI PENTING.

A. Fungsi zakat:

1. Mendatangkan kesyukuran atau penyuburan pahala.
2. Mensucikan jiwa daripada kekotoran dosa.
3. Mendamaikan atau mengwujudkan kedamaian (al – salah).
4. Mendekat atau merapatkan jurang kekayaan dikalangan masyarakat Islam.
5. Menyemai semangat bertanggungjawab untuk tolong menolong.
6. Mengikis sifat tamak dalam pemilikan harta.
7. Membuktikan semangat sifat metaati hukum & perintah Allah.
8. Memperolehi keberkatan.

B. Pelaksanaan institusi zakat pada zaman khalifah Abu Bakar Al – Siddiq dan Khalifah Umar bin Al – Khatab.

1. Penubuhan institusi Baitulmal yang menguruskan pentadbiran harta negara, harta masyarakat dan harta umum menghasilkan zakat. Operasi secara rasmi berlaku pada zaman Khalifah Umar Al – Khatab.
2. Perlantikan ‘Amil’ yang melaksanakan urusan pemungutan dan menguruskan zakat daripada pihak yang layak berzakat mengikut ukuran atau kadar nisab tertentu.
3. Membahagikan jenis zakat kepada dua iaitu : zakat harta dan zakat fitrah.
4. Melaksanakan pemungutan zakat secara tegas sebagai menegakkan hukum. Khalifah Abu Bakar memerangi golongan al – Riddah yang engakr membayar zakat. Dari segi syarak, pembayaran zakat adalah wajib keatas harta apabila cuku syaratnya (sampai nisabnya dan genap haul (tahun / masa).
5. Menyalurkan hasil pembayaran zakat kepada 8 asnaf iaitu golongan yang layak menerima antaranya:
 - a. Fakir Miskin
 - b. Orang musafir.
 - c. Amil.
 - d. Muallaf
 - e. Hamba yang hendak memerdekakan dirinya.
 - f. Orang yang berhutang
 - g. Orang yang berjihad
 - h. Orang yang merantau (ibnu sabil) dan kehabisan wangnya semasa dalam perjalanan yang bertujuan baik dan dibenarkan oleh syarak (termasuk mencari rezeki yang halal dan menuntut ilmu)
6. Kutipan zakat dan cukai akan bertambah semasa pemerintahan Umar Al – Khatab kerana beliau banyak melakukan ekspedisi ketenteraan dan penyebaran Islam.

C. KESIMPULAN:

Perlaksanaan institsiu zakat pada zaman Khalifah Umar Al – Khattab menjadi asas dalam pelaksanaan dan pentadbiran zakat hingga ke hari ini. Perlaksanaannya yang diuruskan secara terpinpin akan membawa kemakmuran dan kesejahteraan ummah.

Soalan 13

Bincangkan matlamat pendidikan Islam yang diasaskan oleh Nabi Muhammad S.A.W

Pengenalan [3 Markah]

1. Definisi pendidikan
2. Pendidikan lahir serentak dengan kewujudan Nabi Adam dan diteruskan oleh nabi-nabi dan rasul-rasul sehinggalah seruan oleh Nabi Muhammad S.A.W. baginda adalah rasul terakhir yang menyempurnakan syariat serta risalah pendidikan daripada Allah SWT kepada sekalian umat manusia.
2. Pendidikan Islam bermula apabila Nabi Muhammad S.A.W menerima wahyu yang pertama iaitu Iqra' (Surah Al-Alaq)

Isi [5 isi x 4 markah =20 Markah]

Matlamat pendidikan Islam:

1. **Melahirkan setiap muslim yang bertanggungjawab** menyebarkan dan menegakkan kalimah Allah di muka bumi. nabi Muhammad S.A.W adalah seorang hamba Allah, pemimpin keluarga, pemimpin masyarakat dan pemimpin negara.
Mendidik manusia ke jalan yang benar dan mengajar manusia bagaimana untuk mengabdikan kepada Allah.
2. **Melahirkan insan yang kamil** kerana insan yang kamil menjadi benteng pertahanan yang menentang penjajahan dalam bentuk kerohanian dan fizikal.
Iman dapat menghindarkan manusia daripada rosak akidah dan akhlak.
Menganjurkan supaya umat Islam berakhlak mulia dan mengajar supaya mengamalkan sifat-sifat mulia seperti sikap tolong-menolong.
3. **Melahirkan anggota masyarakat yang sempurna**, bertanggungjawab kepada diri sendiri, keluarga, masyarakat, agama, bangsa dan akhlak. Adab bergaul dalam masyarakat, adab berjiran dan adab masuk kerumah jiran.

4. **Memupuk semangat berdikari dan kesedaran** bekerja mencari rezeki yang halal dan membelanjakan harta dengan cara yang diizinkanNya.
5. **Menekankan semangat cintakan Allah** dan memupuk hubungan dengan manusia, alam dan pencipta (Allah).sentiasa bersyukur dengan nikmat Allah serta mendidik manusia supaya bertaqwa.
6. Matlamat akhir pendidikan Islam ialah **membentuk diri yang sempurna/pewujudan diri** iaitu meningkatkan jiwa atau roh supaya sampai ke peringkat manusia dapat berhubung dengan Allah.Untuk perkembangan menyeluruh personaliti manusia dalam aspek-aspek menyeluruh manusia dalam aspek-aspek rohaniah, psikologikal, intelektualdan jasmaniah.

Kesimpulan (2 markah)

Menuntut ilmu adalah wajib dalam kalangan umat Islam.Dengan pendidikan Islam seseorang itu akan mendapat kesenangan dan kebahagiaan didunia dan akhirat.

15 .Bandingkan ciri-ciri agama dan kepercayaan masyarakat Alam Melayu dengan Jahiliah.

A. Pendahuluan [3 markah]

1. Jahiliah bermula dari tempoh empangan Maarib pecah sehinggalah zaman sebelum sebelum Islam.
2. Perkataan jahiliah bererti bodoh atau bebal.
3. Tidak mempunyai Nabi atau Rasul serta kitab suci sebagai petunjuk.
4. Masyarakat di Alam Melayu sebelum Islam mengamalkan animisme dan Hindu-Buddha.

B. Isi –isi penting [5 Isi x 4 Markah = 20 Markah]

1. Agama

Jahiliah

1. Penyembahan Berhala (Wathani)
2. Penyembahan Api (Majusi)
3. Nasrani (Kristian)

4. Yahudi

5. Hanif

Alam Melayu

1. Hindu

2. Buddha

2. Animisme

Jahiliah

1. Mempercayai adanya roh, penunggu dan kuasa ghaib.

Alam Melayu

1. Setiap benda mempunyai jiwa atau roh.

2. Konsep dinamisme iaitu konsep 'semangat' atau jiwa berada dimana-mana.

3. Pemujaan

Jahiliah

1. Unsur alam seperti bulan, bintang dan matahari untuk menghidupkan tanaman.

2. Unsur alam mempunyai pengaruh dan kuasa menentukan kehidupan.

3. Korbankan manusia.

Alam Melayu

1. Pemujaan alam sekitar, keramat, pusara dan pokok berpuaka.

2. Pemujaan roh nenek moyang yang dikenali 'hyang' yang mempunyai kesaktian dan jelmaan tuhan.

4. Kitab/Rujukan

Jahiliah

1. Kitab Injil (Nasrani)

2. Agama majusi tiada kitab suci.

Alam melayu

1. Kitab suci Sang Hyang

2. Karya-karya sastra seperti Smaradahanana dan sutasoma oleh MpuTantular.

3. Kitab suci Sang Hyang kamahayanikan.

5. Rumah Ibadat

Jahiliah

1. Kaabah (Wathani).

2. 360 berhala sekitar Kaabah.

3. Setiap kabilah mempunyai berhala masing-masing.

Alam Melayu

1. Megalitik batu besar didirikan sebagai tanda penghormatan kepada nenek moyang.

2. Pembinaan candi seperti Candi Borobudur oleh Sailendra.

6. Alam Sekitar

Jahiliah

1. Menyembah matahari, bulan, bintang sebab semua cakerawala merupakan sumber tenaga dan kekuatan.

2. Bulan merupakan Tuhan Perempuan.

3. Matahari adalah Tuhan Lelaki.

4. Menyembah alam sekeliling seperti gua, pokok dan perigi.

5. Menyembah malaikat, jin, roh nenek moyang dll.

Alam Melayu

1. Cerita mengenai hantu, toyol, pontianak dan sebagainya.

2. Cerita mengenai kejadian alam, keramat, pusara dan pokok yang dianggap berpuaka.

7. Kepercayaan Karut Dan Tahyul

Jahiliah

1. Percaya kepada ahli nujum.

2. Percaya kepada untung nasib.

3. Percaya kepada sihir.
4. Memakai tangkal dan azimat.
5. Melihat arah burung terbang ketika memulakan perjalanan.
6. Mengorbankan anak perempuan adalah perkara mulia.
7. Cincin tembaga dan perak akan memberi kekuatan kepada sipemakai.
8. Hidup tidak selamat jika tidak menghormati berhala.
9. Roh orang yang meninggal dunia akan menjadi seekor burung.

Alam Melayu

1. Roh nenek moyang juga dikenali sebagai yang mempunyai kesaktian dan jelmaan tuhan.
2. wujud Dewa agung yang mempunyai kuasa tertinggi seperti Sang Hyang Tunggal.

Kesimpulan [1 Markah]

1. Zaman jahiliah berakhir apabila Islam disebarkan di Timur Tengah.
2. Kepercayaan Animisme dan pengaruh Hindu-buddha tidak berakhir dengan kedatangan Agama Islam ke Alam melayu.

*** Jawapan mesti ada unsur perbandingan**

16. Bandingkan konsep ketahanan dan pertahanan antara tamadun Islam dengan tamadun Eropah.

A. Pengenalan

1. Tamadun Islam merujuk kepada zaman kerasulan Nabi Muhammad s.a.w. sehingga sekarang. Manakala tamadun Eropah pula merujuk kepada zaman pertengahan yang bermula pada selepas keruntuhan Empayar Rom - berlaku antara abad ke-5 hingga abad ke-15 Masihi. Zaman ini dapat dibahagikan kepada Zaman Gelap dan Zaman Moden awal.
2. Dalam tamadun Islam, isu ketahanan dan pertahanan bermula sejak dari zaman Nabi Adam as. lag]. Manakala dalam tamadun barat pula isu ini mula berkembang ketika munculnya tamadun awal manusia.

B. Isi

1. Pengertian ketahanan.

- a. Pengertian **menurut Islam**, ketahanan umat Islam yang utama terletak pada akidah dan syariah. Dengan kemantapan akidahlah, pada peringkat awal umat Islam yang berjuang telah mencapai kemenangan yang gemilang. Ketahanan dalam Islam juga merangkumi aspek fizikal termasuklah jasmani, persiapan alat senjata atau kelengkapan perang. Di samping itu Islam juga menekankan kepada ilmu, sama ada ilmu ketenteraan atau ilmu agama.
- b. Bagi **tamadun barat** pula, ketahanan merujuk kepada ketabahan dan kecekalan yang mencakupi dua unsur, iaitu fizikal dan rohani. Fizikal - pembentukan jasmani dan ketenteraan, manakala rohani - aspek agama, moral, dan jiwa. Ketahanan yang kuat datangnya dari ilmu pengetahuan, pengalaman, kecekapan pelaksanaan.

2. Pengertian pertahanan.

- a. Sementara itu pengetahuan **pertahanan dalam Islam** merujuk kepada langkah kedua yang berbentuk praktikal bagi melaksanakan dasar-dasar ketahanan untuk membendung kehormatan dan keutuhan agama, masyarakat, dan negara. Ia juga merangkumi langkah bagi membela mereka yang lemah atau golongan yang dizalimi. Dalam hubungan ini, setiap individu muslim wajib mempertahankan diri, agama, masyarakat, dan negara jika diancam oleh pihak musuh.
- b. Dalam **tamadun Barat**, **pertahanan** merupakan usaha untuk mempertahankan diri, masyarakat, dan negara daripada ancaman pihak musuh. Dalam hal ini, pertahanan bergantung kepada ketahanan. Setiap warganegara dimestikan mempertahankan diri masyarakat dan negara daripada serangan musuh

3. Etika peperangan.

- a. **Islam juga telah menetapkan etika** dan peraturan ketika berperang. Antaranya ialah larangan membunuh kanak-kanak, orang tua, wanita ahli ibadat, melancarkan peperangan selepas menyeru pihak musuh kepada Islam dan memberi pilihan membayar jizyah serta tidak menyiksa tawanan perang. Etika-etika ini jelas

menunjukkan matlamat peperangan dalam Islam adalah untuk mewujudkan perdamaian dan bukannya menimbulkan permusuhan.

- b. **Etika peperangan tamadun Eropah** berbeza kerana mereka tidak menekankan nilai-nilai moral dan akhlak.

4. Matlamat peperangan.

a. Matlamat peperangan Islam

Setiap individu Muslim wajib mempertahankan diri, agama, masyarakat, dan negara jika diancam oleh pihak musuh.

- b. **Matlamat peperangan di Barat** adalah berbeza-beza mengikut peringkat. Pada zaman gelap - peperangan sering berlaku di kalangan golongan bangsawan kerana ingin menguasai wilayah-wilayah yang dimiliki oleh golongan bangsawan yang lain. Pada zaman tersebut tanah merupakan punca kekayaan. Peperangan yang berlaku di antara raja dengan golongan bangsawan pula adalah disebabkan oleh raja mahu mengurangkan kuasa golongan bangsawan. Pada zaman moden awal pula, di Eropah peperangan merupakan perkara yang penting. Ini membawa kepada berlakunya Perang Salib di antara orang-orang Kristian dengan orang-orang Islam untuk mempertahankan tanah suci Jerusalem. Matlamat peperangan di Eropah pada zaman moden pula, menjelang abad ke-16 Masihi adalah untuk mengukuhkan kedudukan dan imej sesebuah negara. Implikasinya peperangan merupakan satu perkara yang biasa di antara negarane-negara bangsa.

C. Kesimpulan

Peperangan dalam Islam lebih mementingkan aspek akhirat. Manakala dalam tamadun Barat ia lebih menekankan kepentingan duniawi. Islam menjadikan masalah duniawi hanya sebagai alat bagi menegak dan memelihara agama disamping membela ummah

Pembagian markah;
P:3m, I:4isi*5m, K:2m

***Setiap isi mesti dibandingkan dan pemarkahan secara impression**